

Najib beri 'petua' PH turun harga telur

UM-19/3/2019 m/s: 10

KUALA LUMPUR 18 Mac - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) hari ini diberi 'petua' supaya menurunkan harga telur sekiranya mahu harga barangan lain menjadi terkawal dan menjadi lebih rendah.

Cadangan itu diberikan **Datuk Seri Najib Tun Razak (BN-Pekan)** yang memberitahu, kerajaan tidak akan dapat membuat kawalan harga barangan lain sekiranya gagal menangani harga telur.

"Kalau hendak kawal harga barang, barang keperluan, to-

long kawal harga telur. Sebab bila menteri umum harga telur turun dua sen dalam sebuah sidang akhbar yang besar-besaran, hari ini, harga telur (gred) AAA menghampiri 50 sen sebiji.

"Jadi, kalau harga telur pun tidak boleh kawal, jangan harap nak kawal harga lain,' katanya sewaktu mem-



NAJIB TUN RAZAK

bahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menyambung perbincangan, Najib yang juga bekas Perdana Menteri menyifatkan kerajaan PH berada dalam keadaan terdesak sehingga terpaksa menjual aset-aset milik kera-

jaan.

Beliau malah mendakwa, dalam beberapa bulan mentadbir negara, kerajaan telah menjual aset-aset berkenaan.

Beliau percaya, langkah menjual aset bukanlah satu strategi yang menjamin ekonomi negara terselamat.

"Kalau kita jual aset bermaksud kita berada dalam keadaan yang terlalu terdesak dan akan mengancam kemampuan kita untuk meraih pendapatan masa akan datang," ujarnya.